



اوتورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

MAJLIS KONVOKESYEN

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
KE-

18

21 hingga 24 Oktober 2023

6 hingga 9 Rabiulakhir 1445H

Dewan Kompleks Sukan
UMPSA Kampus Gambang



TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT





اونيورسيتي مليسيا فيح السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

MAJLIS KONVOKESYEN

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
KE-

18

21 hingga 24 Oktober 2023

6 hingga 9 Rabiulakhir 1445H

Dewan Kompleks Sukan
UMPSA Kampus Gambang



TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT



DAULAT TUANKU





CANSELOR

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K. (Terengganu), D.K. (Johor),
S.P.M.J., D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Kedah), D.K. (Perlis), D.K. (Perak), D.K. (Selangor)
Order of the State of The Republic of Turkiye.



PRO-CANSELOR

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG
TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH
IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
D.K., S.S.A.P., S.I.M.P.**




اونيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**



MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
YB DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
SIMP., SPMP., DSPN., SMJ., PIS.



MENTERI BESAR PAHANG
YAB DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
SSAP, SUMW., DSAP, DIMP, SMP, AMP.



PRO-CANSELOR

TAN SRI DATO' SRI (DR.) ABI MUSA ASA'ARI BIN MOHAMED NOR
PSM., SSAP, SIMP, DIMP, SMP.



PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN
PSM., SSAP., SIMP., DSAP., KMN.



NAIB CANSOLOR
PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN
DIMP.



PENGERUSI




**TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ
BIN ABDUL RAHMAN**
PSM., SSAP, SIMP., DSAP., KMN.

AHLI-AHLI



**PROFESOR DATO' TS.
DR. YUSERRIE BIN
ZAINUDDIN**
DIMP.
Naib Canselor



**YBHG. DATO' SRI DR.
SALLEHUDDIN BIN
ISHAK**
Wakil Swasta



**YBHG. DATIN
NOORAZAH BINTI OMAR**
DIMP, DPSM., SAP, BCM.
Wakil Kementerian
Pendidikan Tinggi



**DATO' SRI ZAINAL
ABIDIN BIN AHMAD**
DBNS., SSAP
Wakil Swasta



**ENCIK MADYASIR BIN
AHMAD BASIR**
Wakil Alumni



**PROFESOR DATO' DR.
MOHAMMAD SHATAR
BIN SABRAN**
DIMP., DPMP
Wakil Berpengalaman
dan Berpengetahuan



**ENCIK MOHD SAKERI
BIN ABDUL KADIR**
Wakil Kementerian
Kewangan



**DATO' HAMDAN BIN
HUSSIN**
DIMP., SAP., AAP., AMP.
Wakil Masyarakat



**PROFESOR IR. DR.
MOHD FAIZAL BIN
JAMLOS**
Wakil Senat



**DATO' MAHMUD BIN
MOHD NAWAWI**
DIMP., AMP
Wakil Swasta

SETIAUSAHA



**DATO' SAIFUL BAHRI
BIN AHMAD BAKARIM**
DIMP.
Pendaftar

* Segala maklumat yang terkandung telah disahkan pada tarikh cetakan

PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



**PROFESOR DATO' TS. DR.
YUSERRIE BIN ZAINUDDIN,**
DIMP,
Naib Canselor
Ph.D (UKM), M.Com. (Hons)
(Wolonggong), B.Soc.Sc. (Hons)
(USM)



**PROFESOR IR. TS. DR. AHMAD
ZIAD BIN SULAIMAN**
Timbalan Naib Canselor (Akademik
dan Antarabangsa)
Ph.D (Biochemical Engineering), Massey
University, New Zealand
M.Eng (Chemical Engineering)(UTM)
B.Eng (Chemical Engineering)(UTM)



**PROFESOR TS. DR.
KAMAL ZUHAIRI
BIN ZAMLI**
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan
Inovasi)
Ph.D (Newcastle Upon
Tyne,UK), M.Sc. (UTM),
BSc. (Worcester Polytechnic
Institute,USA)



**PROFESOR TS. DR.
MOHD RUSLLIM BIN
MOHAMED**
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan
Alumni)
Ph.D (UMP), M.Eng.
(UTHM), B.Eng. (Warwick),
Dip.Eng. (UiTM), Fellowship
(Southampton),
(Duisburg-Essen)



**DATO' SAIFUL BAHRI
BIN AHMAD BAKARIM**
DIMP,
Pendaftar
B.Science (Hons) (UiTM),
Dip.(UiTM)



**DATO' ZAINUDIN
BIN OTHMAN**
DIMP,
Bendahari
C.A.(M), B.Acc. (Hons) (UKM)



**CIK KAMARIAH BINTI
GONO**
Ketua Pustakawan
M.Ed. (Educational
Technology) (UTM)
Adv. Dip. Library Science
(UiTM)



**PUAN MARLINA
BINTI MAMAT**
Penasihat
Undang-undang
LLB (Hons) (IIUM)

* Segala maklumat yang terkandung telah disahkan pada tarikh cetakan



PENGERUSI

Naib Canselor

PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN, DIMP.

Ph.D (UKM), M.Com. (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc. (Hons) (USM)

AHLI-AHLI

TIMBALAN NAIB CANCELOS

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

PROFESOR IR. TS. DR. AHMAD ZIAD BIN SULAIMAN

*Ph.D (Biochemical Engineering), Massey University, New Zealand
M.Eng (Chemical Engineering), (UTM), B.Eng (Chemical Engineering), (UTM)*

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

PROFESOR TS. DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI

Ph.D (Newcastle Upon Tyne,UK), M.Sc. (UTM), BSc. (Worcester Polytechnic Institute,USA)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

PROFESOR TS. DR. MOHD RUSLLIM BIN MOHAMED

Ph.D (UMP), M.Eng. (UTHM), B.Eng. (Warwick), Dip.Eng. (UiTM), Fellowship (Southampton), (Duisburg-Essen)

DEKAN

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

PROFESOR MADYA DR. HAMDAN BIN DANİYAL

Ph.D (University of Western Australia), M.Eng. (UTHM), B.Eng (UTM)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif

PROFESOR DR. MAHADZIR BIN ISHAK@MUHAMMAD

Ph.D (Ibaraki University), M.Eng. (Tokushima University), B.Eng. (Ehime University)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik

PROFESOR MADYA IR. TS. DR. FAIZ BIN MOHD TURAN

Ph.D (UTHM), B.Eng (UTM), Assoc. Degree (Yonago, Japan)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam

IR. DR. FADZIL BIN MAT YAHAYA

Ph.D (UMP), M.Eng (UTM), B.Eng (Honours) (UTM)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses

PROFESOR MADYA TS. DR. SUMAIYA BT ZAINAL ABIDIN@ MURAD

Ph.D (Loughborough University, UK), M.Sc (UPM), B.Sc (UPM)

Dekan, Fakulti Komputeran

PROFESOR MADYA TS. DR. ADZHAR BIN KAMALUDIN

Ph.D (Loughborough University), M.Sc. (University of Warwick), B.Sc (UTM)

Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Industri

PROFESOR MADYA DR. AIZI NOR MAZILA BINTI RAMLI

Ph.D (UTM), B.Sc (UTM)

Dekan, Fakulti Pengurusan Industri

DR. MOHD HANAFIAH BIN AHMAD

Ph.D (UMP), M. Tech Management (HRD) (UTM), B.Eco. (Hons) (UKM)

Dekan, Institut Pengajian Siswazah

PROFESOR TS. DR. CHE KU MOHAMMAD FAIZAL BIN CHE KU YAHYA

Ph.D (NUT, Japan), M.Eng (Yamaguchi University, Japan), B.Eng (Yamaguchi University, Japan)

Dekan, Pusat Sains Kemanusiaan

DR. MOHAMAD HILMI BIN MAT SAID

Ph.D (USM), M.A (UKM), B.A (Hons) (Al-Azhar Univ. Egypt)

Dekan, Pusat Bahasa Moden

PROFESOR MADYA DR. NIK ALOESNITA BINTI NIK MOHD ALWI

Ph.D (Victoria University of Wellington), M.HSc. (IIUM), B.HSc. (IIUM)

Dekan, Pusat Sains Matematik

PROFESOR DR. MOHD ZUKI BIN SALLEH

Ph.D (UKM), M.Sc. (UTM), B.Sc.(UPM)

PROFESOR

Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif

PROFESOR DR. RIZALMAN BIN MAMAT

Ph.D (Birmingham), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)

Profesor, Fakulti Sains dan Teknologi Industri

PROFESOR DR. MOHD HASBI BIN AB RAHIM

Ph.D (Wales, UK), M.Sc. (UPM), B.Sc. (Hons) (UPM)

Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik

PROFESOR IR. DR. HAJI NIK MOHD ZUKI BIN NIK MOHAMED

Ph.D (Bradford, UK), M.Eng. (UPM), B.Eng. (USA)

Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

PROFESOR IR. TS. DR. KAMARUL HAWARI BIN GHAZALI

Ph.D (UKM), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UTM)

Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses

PROFESOR DATO' TS. DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS, DIMP.

Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)

Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

PROFESOR IR. DR. MOHD FAIZAL BIN JAMLOS

Ph.D (UTM), M.Eng. (Adelaide), B.Sc. (UNIMAP)

Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Dan Proses

PROFESOR TS. DR. KAMAL BIN YUSOH

Ph.D (Loughborough, UK), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)

* Segala maklumat yang terkandung telah disahkan pada tarikh cetakan

AHLI KO-OPT

Pengarah, Pusat Kerjasama Strategik Akademik
PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD RUZAIMI BIN MAT REJAB
Ph.D (University of Liverpool, UK), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)

Pengarah Kanan, Bahagian Kualiti Penyelidikan & Pusat Kecemerlangan, Inovasi dan Komersial
PROFESOR DR. CHONG KWOK FENG
Ph.D (National University of Singapore), Bach (UTM)

Pengarah, Akademi Adab, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
PROFESOR MADYA DR. MOHD NIZAM BIN MOHMAD KAHAR
Ph.D (UMP), MBA (UUM), BBA (Hons) (UUM)

Pengarah, Pusat Inovasi Dan Daya Saing Akademik
DR. NORAM IRWAN BIN RAMLI
Ph.D (USM), M.Eng (USM), B. Eng (UiTM)

Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik
PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD SHAHRIR BIN MOHD SANI
Ph.D (University of Liverpool, UK), M.Sc. (UPM), B.Eng. (UTM)

AHLI EX-OFFICIO

Bendahari
DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN, DIMP.
C.A. (M), B.Acc. (Hons) (UKM)

Ketua Pustakawan
CIK KAMARIAH BINTI GONO
M.Ed. (Educational Technology) (UTM), Adv. Dip. Library Science (UiTM)

Penasihat Undang-undang
PUAN MARLINA BINTI MAMAT
LLB (Hons) (IIUM)

SETIAUSAHA

Pendaftar
DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM, DIMP.
B.Science (Hons) (UiTM), Dip.(UiTM)

KATA ALU-ALUAN NAIB CANSOLOR

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadirat Illahi kerana tahun ini merupakan detik bersejarah dalam memperkasakan lagi universiti ini dengan penjenamaan semula Universiti Malaysia Pahang (UMP) kepada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Seiring usia 21 tahun UMP menelusuri kegemilangannya, penjenamaan ini bertepatan dengan visi universiti ke arah sebuah universiti teknologi terunggul. Walaupun nama UMP telah bertukar ke UMPSA, namun bidang fokus utama dan program pengajiannya tetap sama mengikut matlamat tujuan penubuhannya. Penjenamaan ini akan terus merealisasikan aspirasi kecemerlangan yang dicapai menerusi pemerkasaan akademik, pengantarabangsaan, penyelidikan berimpak tinggi dan penghasilan graduan yang cemerlang bagi keperluan modal insan berkualiti demi membina sebuah negara yang madani.

Saya berasa amat berbangga dengan segala pencapaian yang telah diraih oleh UMPSA selama usia penubuhannya hasil usaha dan komitmen seluruh warganya. UMPSA kini berada di kedudukan ke 601 - 800 dalam Times Higher Education World University Rankings Asia 2024 yang menjadikannya sebagai universiti terbaik dalam kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan ke 8 terbaik dari keseluruhan 23 Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang turut tersenarai. Saya berharap agar warga UMPSA terus gigih berganding bahu bagi merealisasikan semua inisiatif yang telah dirangka bagi mengukuhkan lagi UMPSA sebagai suatu jenama bertaraf dunia dan menjadi sebuah universiti teknologi terunggul.

Majlis Konvokesyen UMPSA ke 18 ini bakal menganugerahkan ijazah dan diploma kepada seramai 4,851 graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2023 yang terdiri daripada 230 graduan Doktor Falsafah dan sarjana serta seramai 3,175 sarjana muda dan diploma. Selain itu, seramai 1,446 graduan UMP Advanced juga telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing dan bakal diraikan dalam majlis ini.

Selaras dengan Hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, UMPSA kini boleh berbangga dengan pencapaian kadar kebolehanpasaran graduannya sejak sembilan tahun lalu yang melebihi 90 peratus. Salah satu faktor yang meningkatkan kebolehanpasaran graduan ini adalah kerana UMPSA menawarkan pelbagai program

teknikal berteraskan Kejuruteraan dan Teknologi yang berupaya memperkasa ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) tahap tinggi di negara ini. Sebagai salah sebuah universiti dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), UMPSA sentiasa komited mencipta inovasi dan keunikan dalam penawaran program akademiknya melalui pelbagai jalinan strategik di peringkat antarabangsa.

Program kejuruteraan menggunakan model bertaraf dunia seperti program kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA) Jerman dan program kejuruteraan perniagaan dengan Mannheim University of Applied Sciences (HMA) dilihat sebagai tanda aras terbaik kepada universiti-universiti lain di Malaysia. Seterusnya, Program ijazah dual juga kini diperluas ke negara China iaitu di Beijing Jiaotong University (BJTU) dan Universiti Tianjin (TJU), China. Manakala program baharu pula akan melibatkan kerjasama dengan Fakulti Komputeran (FK) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA) yang bakal diterokai dengan institusi di Korea Selatan.

Selain itu, kolaborasi universiti dengan pihak industri sebagai rakan sinergi juga mampu memperkasakan lagi bidang TVET dalam memacu Malaysia ke arah sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi berteraskan teknologi dan inovasi.

Saya juga berharap agar para graduan tidak melupakan UMPSA setelah tamat pengajian di sini. Buah fikiran anda hasil pengalaman kerja dalam industri amat bernilai untuk memajukan lagi universiti ini dari masa ke semasa. Penglibatan dan sumbangan anda semua sebagai alumni masih diperlukan bagi meneruskan legasi keunggulan UMPSA pada masa hadapan.

Justeru, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada para graduan UMPSA yang akan bergraduasi pada Majlis Konvokesyen ke 18 UMPSA ini. Ucapan tahniah dan syabas juga ditujukan kepada para ibu bapa dan staf akademik atas ketabahan dan kegigihan mereka dalam mendidik dan membentuk sahsiah para graduan sehingga mereka berjaya pada hari ini.

Terima kasih dan tahniah,

Salam hormat,

PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE ZAINUDDIN



VISI, MISI, OBJEKTIF, FALSAFAH DAN NILAI TERAS

VISI

Universiti Teknologi Terunggul.

MISI

Kami bertekad untuk cemerlang dalam menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial.

OBJEKTIF


- Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
- Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
- Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
- Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

FALSAFAH

Kepercayaan bahawa ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah untuk dimanfaatkan. Penekanan kepada ilmu gunaan yang dipraktikkan oleh insan berakhlak akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

NILAI TERAS

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.



اونيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Rasional

- 1** Bentuk keseluruhan perisai bersegi lima melambangkan institusi pendidikan yang mempunyai falsafah, visi dan misi tersendiri bertunjangkan kepada lima nilai teras.
- 2** Bentuk orbit yang berputar mengelilingi berlian melambangkan ilmu yang progresif dan gabungan kedua-duanya mewakili graduan yang berwawasan global.
- 3** Bentuk berlian melambangkan kemantapan tadbir urus baik berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Warna kuning melambangkan kedaulatan yang menaungi sistem tadbir urus baik universiti.
- 4** Bentuk gading yang merupakan simbol negeri Pahang digarap secara dinamik bermaksud kekuatan ilmu dan kemahiran teknikal yang menyumbang ke arah kemakmuran sejagat. Warna biru dan firus mencerminkan pendidikan bersepadu sebagai wadah perpaduan dan tamadun bangsa.
- 5** Bentuk pena mencerminkan ilmu yang dijana oleh warga universiti dengan penuh hikmah. Warna putih adalah simbol kebenaran dan ketinggian ilmu yang dianugerahkan oleh Allah SWT.
- 6** Nama ringkas perkataan UMPSA di tengah-tengah grafik gading dan grafik pena menggambarkan ilmu pengetahuan yang digarap dan dikeluarkan di UMPSA.

LAGU RASMI

Maju Gemilang

Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah

Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah
Taman Ilmuan Berkeunggulan
Menjana Insan Yang Cemerlang
Bagi Agama Bangsa dan Negara

Ilmu Yang Diterokai
Pasti Jadi Amalan
Demi Kemajuan Pertiwi
Bekal Masa Hadapan

UMPSA Menjulung Nama
Wadah Pendidikan Bangsa
UMPSA Megah dan Bangga
Lahirkan Cendekiawan Mulia

UMPSA Maju Gemilang
Dipersada Antarabangsa
Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah

Lagu oleh : Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah





Pengenalan

Cokmar asalnya merupakan senjata yang diubah bentuknya menjadi sebuah lambang kebesaran dan kuasa. Catatan sejarah menunjukkan bahawa pada 19 Mac 1952, Majlis Raja-Raja telah menghadiahkan sebuah cokmar kepada Majlis Perundangan Persekutuan. Ekoran daripada itu, wujudlah cokmar bagi dewan-dewan utama negeri, parlimen dan tradisi ini diikuti pula oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menjadi lambang kuasa penganugerahan ijazah.

Lazimnya, cokmar digunakan di majlis-majlis rasmi universiti seperti Majlis Konvokesyen dan majlis-majlis khas yang mana Canselor Universiti menjadi ketua. Cokmar menandakan kebesaran kuasa Canselor sebagai ketua universiti.

Cokmar ini melambangkan gabungan antara tamadun dengan teknologi. Cokmar ini diperbuat daripada perak seberat 10 kg dan disadur dengan emas tulen. Cokmar ini bersaiz 56 inci panjang.

Keterangan Mengenai Reka Bentuk Cokmar

Kubah

Motif kubah dan obor melambangkan arah tuju dan kepentingan kerohanian bagi warga kampus.

Kubah melambangkan agama Islam dan tamadun Islam. Obor pula mencitrakan peranan UMPSA bagi menyinarakan cahaya menerangi tamadun di rantau ini seiring dengan pembangunan teknologi yang semakin pesat.

Bawah Kubah

Lingaran yang terukir melambangkan kedudukan bumi ketika paling hampir dengan matahari semasa mengelilinginya. Di bahagian utama terpahat simbol teknologi. Lambang kerajaan negeri terukir motif gading gajah yang melambangkan peranan kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur dalam pembangunan universiti ini. Terdapat 14 logo kerajaan negeri yang menunjukkan kepentingan universiti ini terhadap semua negeri di Malaysia.

Nama Universiti

Nama Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah ditulis dalam tulisan Jawi yang melambangkan universiti ini mempertahankan tradisi dan tamadun Islam.

Dahan

Dahan terbahagi kepada empat bahagian iaitu Surah al-Alaq, logo Negeri Pahang Darul Makmur, logo Kerajaan Persekutuan dan logo UMPSA.

Surah al-Alaq merupakan surah yang pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Maksud ayat: "Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan."

Logo UMPSA melambangkan visi dan misi UMPSA.

Logo Kerajaan Persekutuan melambangkan UMPSA menyanjung tinggi kedaulatan negara.

Logo Negeri Pahang melambangkan UMPSA yang terletak di Negeri Pahang Darul Makmur.

Batang Cokmar

Batang cokmar merupakan bahagian yang paling teguh. Terdapat lima bahagian yang melambangkan lima rukun Islam dan lima Rukun Negara yang menjadi landasan bagi setiap warga UMPSA dalam memajukan diri. Motif Tenunan Songket Pahang melambangkan pencarian ilmu tanpa penghujung.

Akar

Akar melambangkan tunjang pohon kehidupan bagi memastikan UMPSA sentiasa berdiri teguh dalam memajukan negara.

o the WORLD CLASS LOGICAL NIVI

5 SETARA-2017
Emerging University

EXCELLENT
Ministry of Higher Education
Institutions Rating System (SETARA) 2017

gy • Crea



Index



Jubah Canselor

Jubah Canselor diperbuat daripada kain *broked* berwarna kuning dan bersulam benang perak di bahagian lengan, lapel dan kaki.

Beef Eater

Beef Eater bagi Canselor berwarna kuning dan dihiasi *tassel* berwarna kuning.



Jubah
Pro-Canselor (I)



Jubah
Pro-Canselor (II)



Jubah
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti



Jubah
Naib Canselor



Jubah
Penerima Ijazah Kehormat

Jubah Pro-Canselor, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor dan penerima Ijazah Kehormat diperbuat daripada kain *broked* berwarna biru dan bersulam benang perak di bahagian lengan, lapel dan kaki. Jubah Pro-Canselor (I) bersulam benang kuning di bahagian lengan, lapel dan kaki. Sulaman dan jalur pada jubah berwarna perak sebagai mewakili warna kejuruteraan dan teknologi. Manakala corak sulaman pada lapel melambangkan ciri-ciri keilmuan dan kejuruteraan.

Penerangan Mengenai Corak Sulaman

Jubah Canselor, Pro-Canselor, penerima Ijazah Kehormat, Lembaga Pengarah Universiti, Pegawai Utama Universiti, ahli senat dan pensyarah mempunyai jalur di kiri dan kanan dihiasi dengan huruf 'K' mewakili *Knowledge* dan UMP. Di tengahnya dihiasi motif bercorak buku dan *gear* di tengah melambangkan simbol ilmu pengetahuan, pembelajaran dan kejuruteraan serta teknologi.

Beef Eater

Beef Eater bagi Pro-Canselor (I) adalah berwarna biru dan mempunyai *tassel* berwarna kuning. *Beef Eater* bagi Pro-Canselor (II), Lembaga Pengarah Universiti, Pegawai Utama Universiti, ahli senat dan pensyarah pula berwarna biru dan mempunyai *tassel* berwarna perak.



**Jubah
Ahli Lembaga
Pengarah Universiti**



**Jubah
Pegawai Utama Universiti**



**Jubah
Ahli Senat Universiti**



**Jubah
Pensyarah Universiti**

Jubah Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pegawai Utama Universiti, ahli senat dan juga pensyarah adalah berwarna biru cerah dan bersulam di bahagian lengan, lapel dan kaki. Manakala warna sulaman pula adalah sama dengan jubah Menteri Pengajian Tinggi, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Naib Canselor.



**Jubah
Graduan Doktor Falsafah**



**Jubah
Graduan Sarjana**



**Jubah
Graduan Sarjana Muda**



**Jubah
Graduan Diploma**

Warna asas bagi jubah graduan doktor falsafah, sarjana dan sarjana muda adalah warna hijau firus. Manakala jubah graduan diploma pula berwarna biru. Semua jubah mempunyai sulaman bermotifkan logo UMP pada lapel kecuali jubah graduan diploma tiada sulaman.

Perbezaan bagi setiap kategori jubah adalah pada jalur di bahagian lengan iaitu graduan doktor falsafah tiga jalur, sarjana dua jalur dan sarjana muda satu jalur.

Warna jalur terdiri daripada warna perak (di bahagian lengan) melambangkan warna Kejuruteraan dan Teknologi.

Mortar Board

Semua *mortar board* yang dipakai oleh graduan sarjana, sarjana muda dan diploma berwarna hitam dan mempunyai *lace* serta *tassel*.

Beef Eater

Semua *beef eater* yang dipakai oleh graduan doktor falsafah berwarna hijau firus dan mempunyai *lace* serta *tassel*.

Warna asas bagi keseluruhan jubah graduan adalah sama, iaitu warna hijau firus bagi jubah graduan doktor falsafah, sarjana dan sarjana muda. Penggunaan selendang dan hood mengikut program dan bidang pengajian. Hood hendaklah dipasang di atas bahu dan disangkut dengan menggunakan penyangkut yang diletakkan di tengah dada.



Perak



Biru Muda



Jingga (Oren)



Merah



Coklat



Emas



Kuning



Merah Manggis



Ungu



Hijau Muda

PRO-CANSELOR



Tengku Mahkota

Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah

IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH

BIBLIOGRAFI

Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah

Keluarga

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah diputerakan pada 17 September 1995 di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang. Baginda merupakan anakanda kedua dan putera sulung kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Hajj.

Tengku Hassanal telah dilantik sebagai Tengku Mahkota Pahang pada 22 Januari 2019 dan dimasyhurkan pada 29 Januari 2019 berikutan ayahanda baginda menaiki takhta sebagai Sultan Pahang. Pada tanggal yang sama, baginda juga telah diisytiharkan sebagai Pemangku Raja Pahang berkuat kuasa pada 31 Januari 2019 selepas ayahanda baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa

Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-16. Istiadat pemasyhuran serentak bagi kedua-dua jawatan utama kerabat Diraja Pahang kepada Tengku Hassanal sebagai Tengku Mahkota Pahang dan Pemangku Raja Pahang telah mencipta sejarah dalam Kesultanan Pahang moden.

Pendidikan

Dalam aspek pendidikan, Tengku Hassanal telah memulakan pendidikan baginda di Sekolah Kebangsaan Saint Thomas, Kuantan, Pahang pada tahun 2002 hingga 2005. Selepas itu, baginda telah melanjutkan pengajian di Caldiccott Preparatory School, London, United Kingdom pada tahun 2006 hingga 2009 dan Sherbone School, London, United Kingdom dari tahun 2009 hingga tahun 2014. Baginda seterusnya melanjutkan lagi pengajian di peringkat Sarjana Muda dengan mengikuti program Sarjana Muda Sastera dalam bidang Hubungan Antarabangsa di Geneva School of Diplomacy and International Relations (GSD), Switzerland pada tahun 2015 hingga 2018.

Selepas menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Muda, baginda telah mengikuti latihan "Initial Cadet Familiarisation Training Programme" di Kem Batu 10, Kuantan, Pahang pada 27 September



2018. Seterusnya, baginda telah dilantik sebagai Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia pada 31 Oktober 2018. Pada tahun yang sama juga baginda telah dikurniakan gelaran Yang Amat Mulia Tengku Panglima Besar Pahang. Selain itu, baginda juga telah menjalani kursus ketenteraan di Royal Military Academy Sandhurst bermula 1 Januari 2019 hingga 14 Disember 2019.

Peranan dan Sumbangan

Pada tanggal 3 September 2019, Tengku Hassanal telah dimasyhurkan sebagai Canselor Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS) (sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, KUIPSAS) yang kedua, menggantikan nenda baginda, Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah.

Sikap baginda yang dekat dengan rakyat telah mendorong pelantikan baginda sebagai Penaung Diraja Sukarelawan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah. Pelantikan ini adalah bertepatan dengan hasrat UMPSA untuk memperkasakan agenda kesukarelawan dalam kalangan warganya bagi merapatkan jurang antara masyarakat dan komuniti universiti dalam usaha bagi memasyarakatkan universiti. Di samping itu, baginda sentiasa berada

bersama-sama rakyat ketika berlakunya musibah seperti banjir dan bencana alam lain untuk membantu rakyat jelata dalam pelbagai bentuk bantuan. Baginda turut serta dalam pelbagai misi bantuan bersama agensi penyelamat terutamanya di negeri Pahang. Keprihatinan dan kecaknaan baginda terhadap rakyat mencerminkan hubungan yang sangat erat antara Institusi Diraja Pahang dan rakyat Pahang.

Personaliti

Tengku Hassanal mewarisi sikap nenda serta ayahanda baginda yang tidak kekok untuk bersama-sama masyarakat. Berpegang teguh kepada pesan ayahandanya supaya "ikut resmi padi, makin tunduk makin berisi," baginda kerap bercemar duli turun ke padang dalam program-program bersama-sama dengan rakyat. Legasi "Raja dan Rakyat Berpisah Tiada" yang diwarisi daripada nenda serta ayahanda baginda menyebabkan kehadiran baginda dalam kalangan masyarakat amat disenangi oleh semua.

Sebagai putera sulung hasil perkongsian hidup antara Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah, Tengku Hassanal juga telah diajar untuk hidup berdikari sejak kecil lagi. Dihantar ke United Kingdom untuk menyambung pendidikan di Caldicot Preparation School seawal usia 10 tahun, baginda hanya dapat bertemu dengan kedua-dua ayahanda dan bonda



ketika cuti sekolah. Pada kesempatan yang terhad itu juga, Tengku Hassanal dibawa bersama-sama oleh ayahanda baginda untuk hadir ke program-program serta melawat kampung-kampung di sekitar negeri Pahang. Rutin inilah yang kemudiannya telah melatih Tengku Hassanal untuk tidak kekok ketika menyantuni masyarakat dengan pelbagai latar belakang.

Minat

Tengku Hassanal amat meminati bidang sukan. Pada 25 Jun 2016, Tengku Hassanal telah menyertai acara perlawanan amal "The Jerudong Park Polo Trophy" bersama His Royal Highness Prince William Duke of Cambridge dan His Royal Highness Prince Harry di Cirencester Park Polo Club, England. Paduka ayahanda baginda Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah turut berangkat bersama menyaksikan perlawanan tersebut. Selain meminati sukan berkuda, Tengku Hassanal juga meminati pelbagai jenis sukan lain seperti ragbi, bola sepak, golf, menembak dan sukan rakyat.

Sesuai dengan pepatah 'Raja dan Rakyat Berpisah Tiada', baginda sering mengeneipkan protokol ketika berada bersama-sama rakyat. Baginda tidak menghiraukan kedudukan tinggi baginda dan sentiasa turun untuk turut serta bersama rakyat jelata

dalam pelbagai acara. Maka tidak hairanlah Baginda Tengku Hassanal disayangi dan disanjung tinggi oleh rakyat jelata seperti paduka ayahanda dan bonda baginda.





PROFESOR EMERITUS



Profesor Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed

Profesor Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed dilahirkan pada 25 Disember 1957 di Machang, Kelantan. Bermula di sebuah desa kecil, beliau menempa kejayaan demi kejayaan hingga menjadi tokoh terkemuka dalam dunia akademik dan kepimpinan. Beliau mendirikan rumah tangga bersama Datin Siti Aini Suriati binti Abdul Samad dan dikurniakan dengan enam orang cahaya mata.

Perjalanan pendidikan Profesor Dato' Dr. Mortaza di peringkat menengah berakhir di Sekolah Tunku Abdul Rahman, Ipoh, Perak pada tahun 1974. Beliau kemudiannya berkelana ke Southampton Technical College, United Kingdom, dan berjaya memperoleh sijil A Level pada tahun 1977. Profesor Dato' Dr. Mortaza seterusnya berjaya menggenggam Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dari University of Southampton pada tahun 1980. Dengan keinginan untuk lebih cemerlang dan dahagakan ilmu, Profesor Dato' Dr. Mortaza seterusnya meneroka lebih jauh, menamatkan Ijazah Sarjana dalam Kejuruteraan Sistem Kawalan di University of Sheffield pula pada

tahun 1984. Semangatnya untuk belajar tidak terhenti di situ sahaja; beliau turut memperoleh Diploma Pascasiswazah Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1987, yang memperkayakan lagi pemahaman dan keserjanaan beliau dalam pelbagai disiplin ilmu.

Pada tahun 1991, perjalanan akademik Profesor Dato' Dr. Mortaza mencapai aras baharu apabila beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, dengan pengkhususan dalam bidang Kawalan Komputer, dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pada tahun 1995, Profesor Dato' Dr. Mortaza mengembangkan lagi kemahiran beliau apabila berjaya menamatkan program Pengurusan Korporat, Kewangan & Teknologi melalui Business & Advanced Technology Centre UTM-Warwick Program.

Sepanjang kerjayanya, Profesor Dato' Dr. Mortaza telah berkhidmat dalam pelbagai peranan kepimpinan dan memamerkan komitmen yang tinggi kepada institusi-institusi yang beliau sertai. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Kampus



Universiti Teknologi Malaysia Cawangan Pahang pada 1998 sehingga 30 November 2001. Dedikasi dan kecemerlangan beliau turut membawa kepada pelantikan beliau sebagai Timbalan Rektor (Akademik) di Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia Pahang. Selain itu, beliau turut pernah dilantik sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

Pada tahun 2007, Profesor Dato' Dr. Mortaza berperanan pula sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), kedudukan yang membolehkannya memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan dan pembangunan universiti tersebut. Kemahiran kepimpinannya semakin diiktiraf apabila beliau seterusnya dilantik menjadi Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada tahun 2015 untuk tempoh selama tiga tahun.

Sepanjang perkhidmatan beliau di KUKTEM dan UMPSA, beliau bertanggungjawab menyediakan pelbagai kertas kerja pembangunan program akademik universiti melibatkan lima program Diploma, 23 program Ijazah dan 17 program Sarjana/Doktor Falsafah. Selaras dengan kelulusan program-program akademik tersebut, beliau telah menyediakan kertas kerja Pembangunan Kampus Sementara, Bandar MEC Kuantan, Pahang. Dengan terlaksananya cadangan pembangunan tersebut, kampus sementara universiti pada masa itu berupaya menampung sehingga 3,000 pelajar pada Julai 2005 dan mencapai kapasiti 5,000 pelajar bagi kemasukan

tahun 2007.

Profesor Dato' Dr. Mortaza seterusnya terlibat dalam penyediaan kertas kerja pembangunan kampus tetap UMPSA di Pekan, Pahang melalui peruntukan Rancangan Malaysia Ke-8 dan Ke-9. Beliau juga terlibat dalam usaha mendapatkan status MSC bagi universiti ini pada tahun 2004 dan memperoleh ISO 9001 bagi tahun 2003-2005. Selain itu, beliau turut terlibat dengan penyediaan Portal Kesultanan Negeri Pahang.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai seorang profesor, Profesor Dato' Dr. Mortaza merakamkan pelbagai pencapaian yang luar biasa. Beliau menjana pendapatan yang besar untuk UMK, memperoleh dana penyelidikan yang besar, dan meningkatkan integriti akademik universiti tersebut. Selain itu, beliau juga memainkan peranan penting dalam menambah baik status UMK, menubuhkan pelbagai fakulti, institut dan program baharu yang meningkatkan lagi reputasi universiti berkenaan.

Profesor Dato' Dr. Mortaza juga tidak terkecuali daripada melibatkan diri dengan aktiviti luar kampus seperti menjadi Ahli Majlis Penasihat Persatuan Orang Kata Bharu (POKB), Majlis Penasihat Himpunan Siswazah Kelantan (HIMSAK), Penaung Persatuan Usahawan Siswazah Kelantan (PASAK) dan Ahli Majlis Orang-orang Besar Kelantan. Di peringkat kebangsaan, beliau pernah menjadi ahli jawatankuasa TNC Akademik IPTA, TNC HEP IPTA serta pelbagai lagi jawatankuasa di Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sains & Teknologi yang melibatkan



pembangunan pelajar, program akademik dan penyelidikan. Selain itu, beliau juga terlibat dalam penyediaan kertas kerja bagi penubuhan UTM Kampus Cawangan Pahang, KUKTEM, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, Terengganu Advanced Technical Institute, Kulim Technology Park Corporation dan Pelan Penyelidikan & Pembangunan bagi Rancangan Malaysia Ke-7.

Dedikasi beliau terbukti melangkaui universiti. Profesor Dato' Dr. Mortaza merupakan ahli aktif organisasi profesional, seperti Majlis Rangkaian Pembelajaran ASEAN dan Persatuan Universiti Asia & Pasifik. Penglibatannya dalam organisasi-organisasi ini mempamerkan komitmennya untuk meningkatkan pendidikan dan kerjasama pada skala serantau dan antarabangsa. Beliau juga menerima beberapa anugerah seperti Mejar Kehormat Askar Wataniah 505 pada 2005, Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) pada 2006 dan Dato' Paduka Mahkota Kelantan (DPMK) pada 2015.

Dalam bidang penyelidikan di arena antarabangsa, Profesor Dato' Dr. Mortaza pernah terlibat dalam projek kerjasama Computer Control, projek kerjasama UTM-The City University, London tajaan British Council pada 1990-1992 dan projek kerjasama UTM-UMIST Manchester tajaan British Council/UTM pada 1992-1994 berkenaan Identification and Control of Industrial Processes.

Di peringkat kebangsaan, Profesor Dato' Dr. Mortaza terlibat dalam pelbagai penyelidikan, seperti

Large Scale System Control, Application of Advanced Control Strategies to Industrial Processes, Coordination Strategies on Power & Steam Generating, Intelligent Plant Interface Project, Application of Identification Techniques to Industrial Processes, Projek Kerjasama UTM/MIMOS dalam bidang Teknologi Industri dan ahli jawatankuasa bersama Tentera Udara Diraja Malaysia bagi Pilot Aptitude System Project. Profesor Dato' Dr. Mortaza juga terlibat dalam pelbagai perundingan bersama pihak industri antaranya dengan Asian Development Bank, Golden Hope, MIMOS, Lembaga Padi Negara, Tenaga Nasional Berhad dan Petronas.

Profesor Dato' Dr. Mortaza menunjukkan keupayaan luar biasa untuk memacu perubahan dan inovasi positif dalam alam akademik. Salah satu sumbangan penting beliau adalah dalam penjaanaan pendapatan. Di bawah kepimpinannya, beliau berjaya mendapatkan peruntukan pembangunan sebanyak RM230 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Selain itu, beliau turut berusaha menjana pendapatan sehingga Tabung Amanah berjaya mencapai jumlah RM90,739,835.57, yang memainkan peranan penting dalam membiayai pelbagai inisiatif akademik dan usaha penyelidikan. Selain itu, dedikasi Profesor Dato' Dr. Mortaza turut menghasilkan peruntukan dana perundingan berjumlah RM1.67 juta pada tahun 2017. Pencapaian kewangan ini memainkan peranan penting untuk mengekalkan dan meningkatkan persekitaran akademik di institusinya.



Komitmen Profesor Dato' Dr. Mortaza terhadap integriti akademik terbukti melalui penubuhan beberapa unit akademik dan fakulti. Ini termasuklah Pusat Komputeran & Informatik, UMK Centre For External Education, Fakulti Senibina & Ekistik, Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Fakulti Biokejuruteraan dan Informatik dan Institut Jaminan Makanan & Pertanian Lestari. Pusat-pusat tanggungjawab ini bukan sahaja memperkayakan landskap akademik tetapi juga memberi peluang kepada para pelajar untuk menceburkan diri dalam pelbagai disiplin bagi mendapat pengalaman pendidikan yang menyeluruh.

Gaya kepimpinan Profesor Dato' Dr. Mortaza juga dikenali melalui sifat transformasinya. Beliau memulakan program seperti Diploma Pascasiswazah Eksekutif Pengurusan Enterprise untuk kakitangan pentadbiran dan Program Diploma Pascasiswazah Eksekutif Pendidik Keusahawanan untuk kakitangan akademik. Program 2u2e melalui program Sarjana Muda Keusahawanan Dengan Keujian merupakan bukti komitmen beliau terhadap pendidikan keusahawanan. Selain itu, beliau turut mempelopori inisiatif seperti pensijilan ISO 2009 untuk Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, Pensijilan 5S untuk Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, dan Pejabat Pendaftar. Beliau juga menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti dalam institusinya, dengan penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Selain itu, beliau juga terlibat dalam

penubuhan Agropark (Kampus Bachok) dan Agro Techno Park (Kampus Jeli).

Sebagai pemimpin yang mempunyai pemikiran jauh dan kritis, Profesor Dato' Dr. Mortaza telah memperkasakan agenda wakaf dan memainkan peranan penting dalam aktiviti promosi dan pembangunannya. Beliau turut memperkenalkan Sistem Pemantauan KPI MBoard, Skim Pesara Akademik dan Skim Pelantikan Staf Akademik Flexi yang memberi kesan mendalam terhadap fungsi dan kecekapan institusi secara keseluruhan.

Dalam dunia keusahawanan, pengaruh Profesor Dato' Dr. Mortaza sangat meluas kepada para pelajar. Beliau berjaya menghasilkan 165 orang pelajar sebagai usahawan sosial, 338 orang pelajar sebagai usahawan perniagaan dan 76 orang pelajar sebagai usahawan e-Biz 11 Street. Komitmen beliau untuk menanamkan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan peribadi mereka tetapi juga kepada pembangunan ekonomi yang lebih luas di rantau ini.

Perjalanan Profesor Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed dari sebuah desa di Kelantan untuk menjadi seorang pemimpin akademik yang disegani merupakan bukti kesungguhan dan semangatnya yang tidak berbelah bagi terhadap pendidikan. Legasi beliau hidup dan dapat dilihat melalui institusi-institusi yang beliau pernah berkhidmat, pelajar-pelajar yang beliau didik, dan kesan yang beliau berikan dalam bidang keusahawanan dan kepimpinan.





Sesi
1

Sabtu, 21 Oktober 2023
6 Rabiulakhir 1445H



**ATUR CARA
ISTIADAT PEMASYHURAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA) DAN PEMASYHURAN PRO-CANSELOR
SERTA MAJLIS KONVOKESYEN KE-18 UMPSA
SESI PERTAMA
SABTU, 21 OKTOBER 2023
DEWAN KOMPLEKS SUKAN UMPSA, KAMPUS GAMBANG**

- 7.30 pagi : Pendaftaran Graduan
- 8.00 pagi : Perarakan Masuk Graduan
- 8.15 pagi : Perarakan Staf Akademik
- 8.30 pagi : Ketibaan Dif-dif Jemputan dan Tetamu Kehormat
- 8.35 pagi : Ketibaan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- 8.40 pagi : Ketibaan Pro-Canselor
- 8.45 pagi : Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi
- 8.50 pagi : Ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
- 8.55 pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang
Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah
Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah
- 9.00 pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di- Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah
Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah
- 9.20 pagi : Perarakan Besar Masuk ke Dewan
- 9.30 pagi : Perarakan Diraja Masuk ke Dewan
- : Negaraku dan Allah Selamatkan Sultan Kami
- : Bacaan Doa oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang
- : Istiadat Pemasyhuran Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
- : Pengurniaan Warkah Pemasyhuran UMPSA kepada Naib Canselor
- : Montaj Pemasyhuran UMPSA
- : Istiadat Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang
Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah
Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Pro-Canselor UMPSA
- : Pengurniaan Warkah Pemasyhuran Pro-Canselor UMPSA
- : Montaj Pemasyhuran Pro-Canselor UMPSA
- : Pengisytiharan Pembukaan Majlis Konvokesyen Ke-18 UMPSA

: Sembah Ucapan Naib Canselor

: Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus

: Montaj Penganugerahan Profesor Emeritus

: Persembahan

: Penganugerahan Doktor Falsafah

: Pengurniaan Anugerah dan Hadiah Kecemerlangan Akademik

- Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang)
- Anugerah Canselor
- Anugerah Pro-Canselor
- Anugerah Naib Canselor
- Anugerah Emas Universiti
- Hadiah Penyelidikan Pasca Siswazah UMPSA
- Hadiah Kecemerlangan Akademik Graduan Antarabangsa UMPSA (Pasca Siswazah)

: Persembahan

: Sembah Ucapan Wakil Graduan

: Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Canselor

11.45 pagi

: Pengisytiharan Penangguhan Majlis Konvokesyen Ke-18

: Lagu UMPSA Maju Gemilang

: Negaraku dan Allah Selamatkan Sultan Kami

: Perarakan keluar dewan

: Sesi bergambar

- Penerima Anugerah Kecemerlangan
- Penerima Gelaran Profesor Emeritus
- Lembaga Pengarah Universiti dan Pro-Canselor
- Pengurusan Universiti

12.00 tengah hari

: Majlis Santapan / Jamuan Tengahari

: Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di- Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah
ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah meninggalkan majlis

: Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang
Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah
Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah meninggalkan majlis

: Majlis Bersurai

SENARAI GRADUAN



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

DOKTOR FALSFAH (KEJURUTERAAN AUTOMOTIF)

AKASYAH BIN MOHD KHATHRI

DOKTOR FALSFAH

ABDULKARIM ABDULRAHMAN MOHAMED SULIMAN

ABU SHADATE FAISAL MAHAMUDE

AGUS NUGROHO

AHMAD BIN OMAR

AHMAD FAIZRIN BIN AHMAD FUZLIN

ALI MUTTALEB HASAN FATLAWI

ANISHA BANU BINTI DAWOOD GANI

ANWAR ILMAR RAMADHAN

ASHWINDRAN NAIDU A/L SANDERASAGRAN

AZHANI BINTI ISMAIL

BASEM SAEID M ELARBE

BASSAM ABDO ABDULLAH AL-HAMELI

CHILAKAMARRY CHAITANYA REDDY

DONG KANGXING

ERNY HASLINA BINTI ABD LATIB

GHASSAN MAAN SALIM

HATEM AHMAD MOHAMED ALJAERANI

IMTIAZ ALI

IRSHAD AHAMAD KHILJI

JADHAV PRAMOD CHANDRAKANT

JEEVENDRAN KANANATHAN

KASTURI A/P SIVABALAN

KHOSENULHAN BIN AB RAHMAN

LATIFAH BINTI NAINA MOHAMED

LEE SOON POH

LEE ZHAN SHENG

LIM YEE PENG

MA QUANJIN

MADDERLA SANDHYA

MANAL SULIMAN OMER TAGAD

MAS IRA SYAFILA BINTI MOHD HILMI TAN

MAZUINA BINTI MOHAMAD

MD ABDUL KADER

MOHAMAD MOKHTAR BIN IBRAHIM

MOHAMED ASGHAAYER MOHAMED OMRAN

MOHAMMED HAMMAM MOHAMMED AL-MADANI

MOHD HAMISA BIN ABDUL HAMID

MOHD HEFZAN BIN AZMI

MOHD. FARID BIN ISMAIL

MUHAMAD IDAHAM BIN UMAR ONG

MUHAMMAD AMINUDDIN BIN PI REMLI

MUNIRA BINTI HALILI

NAJIHAH BINTI YUSOF

NELFIYANTI

NOOR AM ZURA BINTI ABDULLAH

NOOR SUHANI BINTI SULAIMAN

NORHANA BINTI MOHD ARIPIN

NUR AMALINA BINTI RAMLI

NUR MUNEERAH BINTI KASIM

NUR SYAFIQAH BINTI MOHD NAFIS

NUR YANI BINTI CHE HUSSIN

NURUL AIN BINTI ISMAIL

RAMI ABDULLAH ALI BA HAMID

REJI KUMAR RAJAMONY

S M NAZMUS SADAT

SAFWAN BIN SHALBI

SAIDAH AN'NISAA BINTI SALAM

SHABANA TABASSUM

SHANONO IBRAHIM HARUNA

SHARIFAH SAKINAH BT SYED ABD MUTALIB

SHEIKH MOHAMMAD MANIRUZZAMAN AL MASUD

SITI NURASHIKEN BINTI MD SABUDIN

SYAZWANA BINTI SAPEE

TAOFEEQ DUROJAYE MOSHOOD

THURGA DEVI A/P MUNUSAMY

TRIVENI SOUBAM

WAN NADJA JULIKA BINTI WAN HAMIZAN

WANG HAO

ZARITH LIYANA BINTI ZAHARI



Sesi 2

Sabtu, 21 Oktober 2023
6 Rabiulahir 1445H



**ATUR CARA
MAJLIS KONVOKESYEN KE-18 UMPSA
SESI KEDUA
SABTU, 21 OKTOBER 2023
DEWAN KOMPLEKS SUKAN UMPSA, KAMPUS GAMBANG**

- 1.15 petang : Pendaftaran Graduan
- 1.30 petang : Ketibaan Dif-dif Jemputan
- 1.45 petang : Perarakan Graduan
- 2.00 petang : Perarakan Staf Akademik
- 2.05 petang : Ketibaan Tetamu Kehormat
- 2.15 petang : Ketibaan Pro-Canselor
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Abi Musa Asaari bin Mohamed Nor
- 2.30 petang : Perarakan Besar Masuk ke Dewan
- : Negaraku
- : Bacaan Doa
- : Pengisytiharan Pembukaan Majlis Konvokesyen Ke-18 Sesi Kedua
- : Ucapan Naib Canselor
- : Penganugerahan Sarjana Penyelidikan, Sarjana Mod Campuran dan Sarjana Kerja Kursus
- : Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Program Ijazah Dual
- Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanik- Program Kerjasama Dengan Karlsruhe University of Applied Sciences, Jerman
 - Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Automotif Program Kerjasama Dengan Karlsruhe University of Applied Sciences, Jerman
 - Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan Kepujian
- : Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma – Fakulti Komputeran
- Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik & Multimedia) dengan Kepujian
 - Diploma Sains Komputer
- : Penganugerahan Anugerah, Hadiah Akademik & Hadiah Kecemerlangan Fakulti
- Anugerah Kecemerlangan UMP Holdings Bhd.
 - Anugerah Kecemerlangan HeiTech
 - Verein Deutscher Ingenieure Award (Association of German Engineers)

- Hadiah Kecemerlangan Yayasan Pahang
- Hadiah Kecemerlangan Akademik Ijazah Dual UMPSA-Jerman
- Hadiah Kecemerlangan Akademik Graduan Antarabangsa UMPSA (PraSiswazah)
- Hadiah Emas Fakulti
- Hadiah Kecemerlangan Program
- Hadiah Inovasi Projek Sarjana Muda (PSM) Terbaik

: Persembahan

: Ucapan Wakil Graduan

: Ucapan Pro-Canselor

5.00 petang : Pengisytiharan Penangguhan Majlis Konvokesyen Ke-18

: Lagu UMPSA Maju Gemilang

: Perarakan keluar dewan



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

SARJANA PENYELIDIKAN

SARJANA SAINS
 ABDUL MUIZ BIN HASIM
 AHMAD HAFIZI BIN AWANG
 ALIAA BINTI ZANURIN
 AMIR LUQMAN BIN SANUSI
 AMIRA QISTINA SYAMIMI BINTI ZAIFUDDIN
 AMIRUL HAKIM BIN SUFIAN
 ARIFF NIJAY BIN RAMLI
 ARTHI SRINIVASAN
 CHEN WENHAO
 CHEOK JIA WEI
 DURRANI AIMI BINTI ABDUL MALIK
 FAHAD QASWAR
 FARHANA SULTANA TOMA
 FATEN AHADA BINTI MOHD AZLI
 HANEEF BIN MOHD SABKI
 HANIS NADIAH BINTI RUSLAN
 HAZIQATULHANIS BINTI IBRAHIM
 HELEN LEE MAY SHIAN
 HENG SHENG GUANG
 HO CHIA MIN
 IMAM UL FERDOUS
 JARRUD MOHAMED MUFTAH MOHAMED
 JOYCE CYNTHIA BINTI JALANI
 KALAIARASAN A/L MUTHUSAMY
 KARIM MAHIMA
 KESAVARMA A/L SELURAJU
 KOHMALAM A/P AYANASAMY
 LI JIE
 LI MAOQI
 MALIESSA NABILAH BINTI MAZELAN
 MAZIATUN BINTI MOHAMAD MAZLAN
 MD NAHIDUL ISLAM
 MD SHAHNEWAZ SHOAB
 MD SHOFIQUL ISLAM
 MOHAMAD SAZUAN BIN SARIFUDIN
 MOHD NASUHA BIN AB HALIM
 MOHD RAHIMI BIN RAMLI
 MOHD ZAINUL ABIDIN BIN ZAKARIA
 MUHAMMAD ABDIN SHAKIRIN BIN MOHD MASROR
 MUHAMMAD HATTA BIN KASSIM
 MUHAMMAD IZZAT BIN ZAKARIA
 MUHAMMAD NORZAMAN BIN KATHIMAN
 MUHAMMAD NUR ARIF BIN MOHAMAD ASRI
 MUHAMMAD RAIS BIN RAHIM
 MUJAHIDUL AMIN BIN ROSLAN
 NABILLA BINTI MOHAMAD
 NAJIHAH BINTI MOHD ALI
 NAYEEM ABDULLAH
 NG CUI MING
 NORAINI BINTI YUSSOF
 NORASMIZA BINTI MOHD
 NORLIANA BINTI BAKAR
 NORSHAFARIZA BINTI MAMAT
 NUR FARAH AZIERA BINTI JAMALUDIN
 NUR FAZLINNA BINTI AB GHANI
 NUR NADIA BINTI MOHD ZAKARIA
 NURAZILIANA BINTI MUHD GHAZALI
 NURFARHANA BINTI MUSTAFA
 NURUL NABILA HUDA BINTI BAHARUDIN
 NURUL NATASHA BINTI NASRUDIN
 NURZIANA KONG

RABIATUL SYUHADA BINTI HASAN
 ROS SHAZUIN RAYYANU BINTI MOHD ZAKI
 SAJITH AKHIL VINAYAK
 SAYDUL AKBAR MURAD
 SITI NORFATIHAH BINTI ZULKIFLI
 SITI NURQURRATULAINIE BINTI MISKAN
 SUMILIANA BINTI SULONG
 SUNIL VAISHAK
 TANG JIN CHENG
 WAN NUR ATIQAH BINTI WAN SHAMSUDIN
 YAHYA AYESH QASEM DAHAWI
 YAU TI DUN
 YUS ERNY AMIRAH BINTI MOHD YUSOF
 ZARIFA AMIRA BINTI ZULKEFLEE

SARJANA MOD CAMPURAN

SARJANA SAINS (MATEMATIK INDUSTRI)

ALYA IZZATI BINTI HARME
 MOHAMAD RIDZUAN BIN SHAK IBRAHIM
 MOHD HAZIEZAN BIN HASSAN
 MUHAMMAD NIZAM BIN MAHSAN
